

Headline	UPM mahu bidang kriptologi diperluas	Language	MALAY
Date	11. Jun 2008	Page No	26
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	101 cm2
Section	Dalam Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



UPM mahu bidang kriptologi diperluas

KUALA LUMPUR Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mencadangkan kepada kerajaan bagi memperluaskan bidang kriptologi di negara ini.

Pengarah Institut Kajian Matematik UPM, Profesor Datuk Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan berkata, penggunaan secara meluas teknologi berkaitan dengan keselamatan siber itu penting bagi mengelakkan pencerobohan maklumat.

"Kriptologi merupakan satu bidang yang membolehkan kita membina satu sistem keselamatan siber menggunakan aplikasi teori matematik dan teknologi maklumat.

"Melalui aplikasi kedua-dua perkara tersebut kita boleh mengubah sesuatu maklumat yang ingin disampaikan kepada bentuk kod rahsia seperti campuran nombor dan abjad," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Bengkel dan Persidangan Kriptologi 2008 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Kamel Ariffin berkata, maklumat sebenar hanya boleh dibaca oleh penerima apabila mereka memasukkan kata laluan atau menggunakan sebarang peralatan tertentu seperti yang ditetapkan.

"Maklumat yang disampaikan adalah maklumat sebenar tetapi ia telah diubah suai kepada bentuk yang lebih kompleks sehingga ia dianggap sebagai sesuatu yang tidak membawa makna," tambahnya.

Beliau menambah, negara tidak memiliki kepakaran untuk membina sistem keselamatan berasaskan teknologi kriptografi dan menyebabkan kerajaan terpaksa membeli sistem itu dari Austria dan Poland.

Katanya lagi, sistem keselamatan siber yang digunakan Kementerian Pertahanan pada waktu ini adalah sistem berasaskan teknologi kriptografi yang dibeli daripada kedua-dua negara tersebut.